

Derita dua beradik dituduh anak iblis

# Makan nasi sampah

H.M 12/7/09 kls 13

>>Laporan dan foto AZLAN HAFEEDZ

metahad@hmetro.com.my

**K**OTA BHARU: Penyakit Aids dideritai mereka sungguh menyeksakan, namun hinaan dan kejian masyarakat sekeliling yang jahil semakin menambah penderitaan dua beradik perempuan yatim piatu berusia 13 dan lapan tahun itu.

Mahu dikenali sebagai Nana, dia bersama adiknya, Nani pernah makan sisa nasi dibuang jiran kerana terlalu lapar selepas nenek mereka tidak mampu menyediakan makanan.

"Malah, saya pernah terfikir untuk membunuh diri kerana tidak tahan menanggung derita penyakit ini, ditambah lagi dengan sikap jiran dan kawan yang selalu menghina kami," kata Nana.

Dalam usia mentah dan masih 'merangkak' untuk mengenal dunia, setiap hari dunia kehidupan dua beradik itu terpaksa dilalui dengan penuh liku sejak disahkan dijangkiti virus HIV daripada ibu mereka.

Saban hari kedengaran di telinga mereka pelbagai ejekan, tohmahan serta cacian oleh masyarakat sekeliling dan penghinaan paling pedas pernah didengar Nana ialah gelaran 'Anak iblis dan syaitan (Aids)'.

"Gelaran itu disebut oleh seorang penduduk kampung ketika saya berjalan kaki ke sekolah. Mungkin bagi mereka gurauan, tapi mereka tidak tahu betapa sedih dan terasa hinanya saya apabila digelar begitu," katanya.

Menurutnya, sejak kejadian itu yang berlaku awal tahun ini, dia jarang pergi ke

sekolah kerana terlalu malu dan tidak mampu lagi menahan cercaan masyarakat.

Adiknya, Nani hanya terpinga-pinga ketika menerima pelbagai kejian masyarakat, lantaran masih 'berhinggus' serta tidak mengerti bahana penyakit Aids yang dideritainya.

Menceritakan detik hitam kehidupan mereka, Nana berkata, segala-galanya bermula apabila ibu mereka meninggal dunia akibat Aids, sebulan selepas kematian bapa yang turut menghidap penyakit sama berikutan terbabit dalam penagihan dadah.

Ketika ibu menghembuskan nafas terakhir, Nana baru berusia lapan tahun manakala Nani berusia dua tahun dan belum puas merasakan belaian seorang ibu.

"Saya diberitahu doktor

yang saya menghidap Aids ketika usia tujuh tahun. Ketika itu saya rasa macam biasa saja sebab masih kecil dan tak tahu apa-apa. Lagipun, emak masih ada," katanya.

Mulanya hal terbabit turut dirahsiakan ibunya kerana bimbang maklum balas negatif keluarga dan orang kampung.

Namun, rahsia itu terbongkar apabila ibu bapanya meninggal dunia setahun kemudian dan sejak itu kehidupan dua beradik berkenaan terus berubah.

"Seminggu selepas emak meninggal dunia, anak jiran mula menjauhkan diri dan tak mahu bermain dengan saya. Malah, saya beberapa kali ditolak oleh seorang rakan hingga berdarah kepala

>>LIHAT MUKA 14



PRIHATIN... gambar fail ketika Zaimah (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Nana di RMP tahun lalu.